

## Bakal jurutera dan teknologis pameran bakat seni



Kuantan, 11 Mac - Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) tunjuk bakat seni dalam tarian dan nyanyian besempena program Santai Seni anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP yang berlangsung di Teluk Cempedak baru-baru ini. Hadir menyaksikan majlis Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang, Dato' Sri Hj Mohd. Sharkar Haji Shamsudin, Naib Canselor UMP, Prof Dato Dr Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dato Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan, Abd Rahman Hj Safie.

Menurut Daing Nasir, sungguhpun UMP menawarkan program berteraskan pengajian Kejuruteraan dan Teknologi namun ianya tidak menghalang mahasiswa berkecimpung dalam bakat seni dan kreativiti. "Program ini juga dapat memperkenalkan UMP kepada khalayak ramai serta menjadi sebahagian program Tahun Melawat Pahang bagi menggalakkan pelancong ke negeri Pahang. Selain itu ianya dapat mendekatkan universiti dengan masyarakat dalam merealisasikan agenda memasyarakatkan teknologi,"katanya.

Ujar beliau UMP juga menggalakkan mahasiswa untuk melibatkan dalam pelbagai aktiviti kebudayaan dan terdapat lebih 70 kelab dan persatuan yang membolehkan mereka aktif dalam berpersatuan bagi menggalakkan bakat dan kepimpinan mahasiswa agar mereka lebih kompeten dan berdaya saing berdepan dengan alam pekerjaan nanti.

Dalam program ini mahasiswa mempamerkan persembahan tarian Zapin, Joget Serampang, nasyid, busker, tarian kebudayaan dari negeri Sabah dan Sarawak serta persembahan persembahan kompang membabitkan Kumpulan Kencana Pawana, Baraqah Beggars dan Kustari Borneo daripada Sekretariat Kebudayaan dan Kesenian UMP, Sekretariat Ikatan Siswa Anak Darul Ta'zim (ISKANDAR) dan mahasiswa yang mengikuti subjek Kokurikulum Pengurusan Majlis.

Bagi Nur Fairuz Hamzaki yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam bersyukur menjayakan persembahan Zapin Laksamana Raja Di Laut dalam majlis itu. Beliau yang meminati tarian sejak kecil bertuah kerana dapat menceburkan diri dalam seni dengan menyertai kumpulan Kencana Pawana di universiti ini. Selain menonjolkan bakat mahasiswa, pengalaman ini pastinya menjadi ingatan buat mahasiswa yang berpeluang mempromosikan universiti dan negeri Pahang.

Dalam pada itu, Dato' Hj. Mohd. Sharkar melahirkan perasaan bangga terhadap kehebatan mahasiswa yang berbakat yang bukan sahaja menguasai pengajian akademik malah dalam kesenian. Pihaknya menyokong usaha universiti dalam bersama-sama menyemarakkan program Tahun Melawat Pahang 2017. Persembahan membabitkan lebih 100 mahasiswa dalam menjayakan program yang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung dalam dan luar negara.

***Disediakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat Pejabat Naib Canselor***

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 13-03-2017, 11:08:03